

Artikel

Adaptasi Cerita-Cerita Rakyat Dalam Filem *Magika* (2010)

(Adaptions of Folklores in Magika (2010))

Nur Afifah Vanitha Abdullah*, Siti Nur Izra Safra' Abd Halim & Nor Mahirah Zabidi

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: nurafifah@ukm.edu.my

Diserah: 04 Mac 2025

Diterima: 04 Mei 2025

Abstrak: Filem *Magika* (2010) adalah sebuah filem bergenre komedi muzikal. Filem ini merupakan arahan sulung Edry Abdul Halim di bawah syarikat KRU Studios. *Magika* menceritakan tentang pengembaraan dua orang adik beradik iaitu Ayu dan Malik yang mencari jalan pulang selepas tersesat dalam sebuah alam fantasi. Naratif filem ini digerakkan oleh watak-watak yang sangat mirip dengan watak-watak yang dipaparkan dalam pelbagai cerita rakyat tempatan dan barat. Namun begitu, terdapat perbezaan dari aspek perwatakan luaran dan dalaman, serta peranan watak dalam filem jika dibandingkan daripada cerita rakyat asal. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan meneliti proses adaptasi yang telah dilalui oleh naratif dan watak-watak cerita rakyat tempatan dan barat dalam filem *Magika* (2010). Bagi mencapai objektif tersebut, sebuah penyelidikan fundamental dengan reka bentuk kualitatif telah dirancang. Kajian ini juga mengaplikasikan teori Adaptasi (Desmond & Hawkes, 2006) sebagai kerangka analisis. Dapatan kajian ini adalah, naratif filem ini terdiri daripada 22 watak daripada 13 cerita rakyat tempatan dan satu cerita rakyat barat. Naratif dan watak utama filem ini disandarkan kepada cerita rakyat barat. Manakala, kebanyakan watak sampingan bagi mengerakkan cerita terdiri daripada watak-watak cerita rakyat tempatan. Aspek luaran dan dalaman watak yang diadaptasikan cenderung dikekalkan sebagaimana yang dipaparkan dalam cerita rakyat. Namun, aspek peranan watak telah mengalami pengubahsuaian yang agak ketara. Peranan 86% watak adaptasi dalam *Magika* (2010) telah mengalami perubahan daripada cerita asal bagi menghasilkan filem ini.

Kata Kunci: Adaptasi; cerita rakyat Melayu; cerita rakyat Barat; filem muzikal; kritikan filem

Abstract: *Magika* (2010) is a musical comedy film. This film was produced by KRU Studios and was Edry Abdul Halim's debut film direction. *Magika* is about the adventures of two siblings, Ayu and Malik, who are looking for their way home after getting lost in a fantasy realm. The narrative of this film is driven by characters who are very similar to the characters featured in various Malay and Western folklore. However, the characters in this film are different in terms of physical and internal characteristics, as well their role when compared to the original folklore. This article aims to study, the adaptation processes the local and Western folklore narrative and characters have gone through in *Magika* (2010). A fundamental research design with a qualitative method was formulated to attain the research objective. The Adaptation theory (Desmond & Hawkes, 2006) was employed as the analysis tool. The findings of this study is that the narrative of *Magika* (2010) is based on 22 characters from 13 Malay and one Western folklores. The basic narrative and main characters are based on a Western folklore, wherelse most supporting characters are based upon Malay folklores to move the storyline. The external and internal characterisation of the characters are true to their original form in *Magika*, but not their roles. 86% of the characters have been altered in *Magika* (2010).

Keywords: Adaptation; Malay folklore; Western folklore; musical film; film criticism

Pengenalan

Filem *Magika* (2010) adalah sebuah filem muzikal Melayu pertama di Malaysia (krustudios.com, 2010). Filem ini ialah arahan sulung Edry Abdul Halim di bawah syarikat penerbitan KRU Studios. Filem ini ditayangkan pada 23 September tahun 2010 dan dihasilkan dengan belanja sebanyak RM 2.4 juta (Siti Azira Abd. Aziz, 2010). *Magika* (2010) berjaya membuat kutipan pecah panggung sebanyak RM 3.14 juta (Finas, 2010). Filem ini telah menampilkan barisan artis terkenal seperti Diana Danielle, M. Nasir, Ziana Zain, Ning Baizura, Mawi, Aznil Hj Nawawi, Fimie Don dan Sharifah Amani (Siti Azira Abd. Aziz, 2010). *Magika* (2010) Berjaya memenangi tujuh anugerah dalam Festival Filem Malaysia ke-23 dan satu anugerah dalam Anugerah Skrin 2011. Antara kategori anugerah yang telah dimenangi adalah Skor Muzik Asal Terbaik, Lagu Tema Asal Terbaik (*Penyembuh Rindu* ciptaan Edry Abdul Halim), Penataan Seni Terbaik (Johan Lucas/John Kajang), Pereka Busana Terbaik (Dee Hasnan Yaccob), Pelakon Kanak-kanak Terbaik (Fimie Don), Pengarah Harapan (Edry Abdul Halim) dan Filem Terbaik.

Filem *Magika* (2010) memaparkan pengembaraan dua orang adik beradik iaitu Ayu dan Malik yang tersesat di alam fantasi selepas keluar daripada rumah pada waktu Maghrib. Dalam usaha dua watak adik beradik ini mencari jalan pulang, mereka telah berhadapan dengan pelbagai watak yang membantu dan mencabar misi mereka. Naratif utama serta watak-watak dalam filem ini mengingatkan khalayak terhadap watak-watak dalam cerita rakyat tempatan dan cerita rakyat barat. Namun begitu, pembinaan naratif yang bersandarkan cerita rakyat barat dengan menggabungkan watak-watak cerita rakyat tempatan ini menunjukkan sedikit kelainan daripada cerita asal masing-masing disebabkan kedudukan mereka sebagai watak sampingan dalam misi Ayu dan Malik. Walaupun KRU Studios berharap usaha mereka dapat memperkenalkan cerita-cerita rakyat terdahulu kepada generasi kini namun, penampilan watak-watak daripada pelbagai cerita rakyat tempatan dan barat tersebut mempunyai perbezaan dari aspek fizikal, perwatakan serta peranannya dalam filem *Magika* (2010). Justeru, kajian ini mempersoalkan, apakah proses adaptasi yang telah dilalui oleh naratif serta aspek luaran, dalaman dan peranan watak-watak cerita rakyat tempatan dan barat dalam filem *Magika* (2010)? Sehubungan itu, objektif artikel ini adalah untuk meneliti proses adaptasi yang telah dilalui oleh naratif serta perwatakan luaran dan dalaman dan peranan watak-watak cerita rakyat tempatan dan barat dalam filem *Magika* (2010).

Sorotan Literatur

Secara umumnya, kajian ini berpaksikan kepada adaptasi karya sastera Melayu khususnya cerita rakyat dalam filem *Magika* (2010). Oleh itu, sorotan literatur ini merangkumi tinjauan beberapa kajian lepas berkaitan adaptasi karya sastera dalam filem dan kajian-kajian lepas terhadap filem *Magika* (2010).

Setakat ini, terdapat tujuh kajian yang meneliti adaptasi karya sastera Melayu ke filem [Mohamed Nazreen Shahuldan Md. Salleh Yaapar, 2015; Hani Salwah Yaakup, 2018; Sudirman Kiffli dan Nurul Afini Roslin Mohd Saufi, 2021; Mohamad Nazreen Shahul Hamid, 2023; Steven Alezender dan Jacquelina Karimon, 2024; Salmah Jan Noor Muhammad dan Nadiatul Shakinah Abdul Rahman, 2024]. Kajian-kajian lepas terhadap adaptasi karya sastera Melayu ke filem cenderung meneliti karya sastera novel. Hal ini dapat diteliti apabila tiga daripada kajian tersebut meneliti adaptasi novel ke filem. Manakala, selebihnya meneliti karya cerpen, sejarah dan cerita rakyat ke filem. Walaupun kesemua kajian ini membandingkan karya sastera yang diadaptasi dengan filem namun, penulisan-penulisan ini meneliti aspek-aspek yang berbeza dalam pelbagai filem. Aspek-aspek tersebut terdiri daripada penelitian terhadap kaedah adaptasi, elemen adaptasi, perbezaan watak dan perwatakan, representasi kepercayaan setempat, pemaknaan semula, serta persamaan dan perbezaan karya asal dengan filem.

Bagi kajian lepas yang meneliti filem *Magika* (2010) pula, setakat ini terdapat dua kajian telah dijalankan. [Faezahnor Saddi, Zairul Anuar Md. Dawam & Fazmi Hisham, 2022; Faezahnor Saddi, Zairul Anwar Dawam & Fazmi Hisham, 2022]. Kedua-dua kajian tersebut meneliti filem *Magika* (2010) dari aspek elemen lagu.

Faezahnor Saddi, Zairul Anuar Md. Dawam dan Fazmi Hisham dalam artikel bertajuk *Ciri dan Fungsi Lagu Dalam Membentuk Struktur Plot Filem Muzikal Magika (2010)* memfokuskan kajian terhadap ciri dan fungsi lagu dalam membentuk struktur plot dan naratif filem *Magika (2010)*. Bagi menganalisis ciri dan fungsi lagu, artikel ini telah mengaplikasikan Teori *Conceptual Integration Network* oleh Fauconnier dan Turner (1998). Kajian ini memfokuskan elemen beat dalam struktur plot yang diperkenalkan oleh Syd Field (2005) dan Blake Snyder (2005) pada babak 2 iaitu *Midpoint*, *B Story* dan *The bad guys close in*. Kajian ini mendapati ciri dan fungsi lagu dalam babak dua, iaitu lagu *Kehilangan* dan *Rahsia Awet Muda* mempunyai hubungan kait dengan elemen *beat* pada babak 2 atau *Midpoint*. Artikel ini pada akhirnya menyimpulkan bahawa penggunaan lagu dalam filem muzikal *Magika (2010)* memberi kesan kepada struktur plot pada babak 2 meliputi elemen naratif seperti tema, watak perwatakan dan plot (sebab dan akibat), sekali gus memberi keterujaan kepada audiens untuk menonton filem tersebut. Artikel Faezahnor Saddi, Zairul Anuar Md. Dawam dan Fazmi Hisham berbeza dengan kajian yang ingin dijalankan. Artikel tersebut memfokuskan terhadap fungsi lagu, manakala kajian ini bertujuan meneliti proses adaptasi yang dilalui oleh naratif dan watak dalam filem *Magika (2010)*.

Faezahnor Saddi, Zairul Anwar Dawam dan Fazmi Hisham (2022) dalam artikel bertajuk *Pembentukan Struktur Plot Filem Muzikal Magika 2010 melalui Ciri Dan Fungsi Lagu dalam Elemen Naratif Todorov* memfokuskan kajian terhadap pembentukan struktur plot dalam filem *Magika* melalui ciri dan fungsi lagu. Kajian ini bertitik tolak daripada kesukaran dalam mendalami dan memahami terhadap susunan muzikal pada que plot naratif yang akan menyebabkan naratif plot tidak menarik dan membosankan. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti pembentukan struktur plot melalui ciri dan fungsi lagu dalam filem *Magika*. Bagi merealisasikan objektif kajian tersebut, artikel ini mengaplikasikan elemen naratif Todorov kepada 2 buah lagu dari filem muzikal *Magika (2010)* sebagai analisis kajian kes. Metod kajian dijalankan melalui temubual secara berperingkat dengan menemubual beberapa pengarah filem dan composer, catatan dan pemerhatian karya filem *Magika (2010)*. Kemudian kajian analisis juga dilakukan dengan menggunakan teori *Conceptual Integration Networks* dalam mengkaji makna lirik. Dapatan kajian mendapati pembentukan naratif plot filem muzikal *Magika* adalah disebabkan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh kesemua watak-watak yang terbina daripada elemen lagu dan struktur plot melalui teori naratif Todorov. Walaupun artikel Faezahnor Saddi, Zairul Anwar Dawam dan Fazmi Hisham turut meneliti filem *Magika*, namun artikel mereka memfokuskan kajian terhadap struktur plot melalui ciri dan fungsi lagu. Manakala, kajian ini ingin meneliti proses adaptasi naratif dan watak dalam filem *Magika (2010)*.

Berdasarkan tinjauan kajian lepas yang dilakukan, dapat diteliti bahawa kajian terhadap adaptasi sastera ke filem sememangnya mendapat perhatian. Kajian-kajian lepas cenderung meneliti bandingan antara teks dan filem sekaligus memperlihatkan perkaitan dengan kajian ini. Namun, wujud kelompangan apabila kajian lepas mengenai adaptasi karya sastera ke filem tertumpu kepada karya novel dan masih kurang kajian yang meneliti adaptasi cerita rakyat dalam filem. Kajian terhadap filem *Magika (2010)* yang sedia ada juga lebih banyak menumpukan terhadap elemen lagu dalam filem dan masih belum ada kajian yang memberi perhatian terhadap proses adaptasi dalam filem *Magika (2010)*. Kekurangan ini menunjukkan perlunya analisis yang lebih mendalam tentang proses adaptasi khususnya yang dilalui oleh naratif dan watak-watak dalam filem *Magika (2010)*. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti proses adaptasi yang dilalui oleh naratif serta watak-watak dalam filem *Magika (2010)*.

Metodologi

Artikel ini merupakan kajian fundamental dengan reka bentuk kaedah kualitatif. Bagi menganalisis data, analisis kandungan akan digunakan sebagai instrumen kajian utama. Analisis kandungan diaplikasikan bagi menganalisis data kepustakaan dan data dari sumber utama. Data kepustakaan meliputi artikel, jurnal, tesis dan buku. Manakala, data daripada sumber utama ialah filem *Magika (2010)*. Filem ini akan dianalisis berdasarkan proses adaptasi yang dilalui oleh naratif dan watak-watak cerita rakyat tempatan dan barat ke dalam filem. Analisis naratif dalam kajian ini akan dibahagikan kepada beberapa kategori unit analisis berdasarkan Teknik Struktur Tiga Babak oleh Syd Field (2005). Oleh itu, bahagian naratif akan dianalisis mengikut tiga babak yang diperkenalkan iaitu babak permulaan, babak pertengahan (klimaks) dan babak

perleraian. Analisis watak dalam kajian ini pula akan dibahagikan kepada beberapa kategori unit yang telah dikenalpasti seperti aspek fizikal, perwatakan dan peranan watak. Hal ini demikian kerana watak bukan sahaja melibatkan wajah dan cara bercakap sahaja, tetapi melibatkan beberapa aspek utama seperti fizikal, mental, budaya dan moral (Nor Ain Matnoh, Zairul Anuar Md. Dawam & Sim Chee Cheang, 2019).

Bagi menganalisis proses adaptasi yang dilalui, artikel ini mengaplikasikan Teori Adaptasi (Desmond dan Hawkes, 2006). Menurut Desmond dan Hawkes (2006), perbincangan antara karya sastera dan filem adaptasi boleh dilakukan melalui tiga bentuk adaptasi. Ketiga-tiga bentuk ini terdiri daripada adaptasi tertutup (*close adaptation*), adaptasi longgar (*loose adaptation*) dan adaptasi sederhana (*intermediate adaptation*). Setiap bentuk ini mempunyai makna dan kaedah yang tersendiri. Adaptasi tertutup ialah adaptasi yang masih mengekalkan teks sastera yang asli. Manakala, adaptasi longgar merujuk kepada proses pengadaptasian yang membuang sebahagian besar unsur cerita yang terdapat dalam teks dan digantikan atau ditambah dengan naratif lain dalam filem. Adaptasi sederhana pula adalah proses pengadaptasian yang berada di tengah-tengah skala antara adaptasi tertutup dengan adaptasi longgar.

Bagi mengenal pasti kaedah adaptasi yang dilalui oleh watak-watak dalam filem *Magika* (2010), kajian ini akan menganalisis watak-watak tersebut berdasarkan empat prinsip adaptasi yang merangkumi pengekalan, penambahan, pengubahsuaian dan pengguguran yang telah digariskan oleh Wan Hasmah Wan Teh (2022). Pengekalan merupakan proses yang harus hadir dalam sesebuah karya adaptasi bagi membuktikan bahawa karya tersebut dihasilkan daripada sesebuah sumber asas. Proses ini lazimnya akan digunakan seiring dengan proses adaptasi yang lain. Penambahan pula selalunya akan digunakan untuk memanjangkan durasi filem mengikut tuntutan sesebuah filem. Proses ini melibatkan penambahan watak sampingan dan subplot untuk membantu memperkenalkan watak penting dalam filem. Pengubahsuaian pula berlaku apabila pengarah mengubah sesuatu watak, adegan atau peristiwa dan menyesuaikan dengan keadaan dan masa tayangan filem. Antara faktor pengubahsuaian adalah bagi menciptakan ketegangan, memberikan gambaran tentang sebab akibat serta mengubahsuaikan kronologi cerita mengikut keinginan pengarah. Pengguguran atau pemotongan ialah proses pengurangan watak, pembuangan plot, penyusutan emosi atau peristiwa yang dianggap tidak membantu dalam menonjolkan tema atau plot cerita. Seterusnya, perbandingan terhadap watak dalam cerita rakyat dan filem dibuat bagi memperlihatkan kaedah adaptasi yang digunakan bagi menghasilkan filem *Magika* (2010).

Hasil Kajian dan Perbincangan

Filem ini diadaptasikan daripada pelbagai cerita rakyat yang terdiri daripada 13 cerita rakyat tempatan dan satu cerita rakyat barat. Naratif dan watak utama filem ini disandarkan kepada cerita rakyat Barat iaitu *Hansel & Gretel*. Manakala, kebanyakan watak sampingan bagi mengerakkan cerita terdiri daripada watak-watak cerita rakyat tempatan. Justeru, perbincangan ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu naratif dan watak.

1. Naratif

Naratif utama filem yang disandarkan kepada cerita *Hansel & Gretel* telah melalui beberapa pengekalan dan pengubahsuaian. Hal ini dapat diteliti menerusi perbandingan struktur plot bahagian permulaan, klimaks dan perleraian filem dengan cerita *Hansel & Gretel*. Pada bahagian permulaan, kedua-dua kisah menceritakan dua beradik yang tersesat di dunia asing. Misalnya, Hansel dan Gretel ditinggalkan di dalam hutan oleh ibu tirinya dan terjumpa *Candy House*, manakala Ayu dan Malik tersesat di dalam hutan sehingga terperangkap di dunia *Magika*. Bahagian klimaks kedua-dua cerita pula melibatkan pertembungan watak adik beradik dengan watak antagonis yang mahu menawan mereka. Sebagai contoh, Hansel dan Gretel berdepan dengan nenek sihir yang mahu memakan mereka, sementara Malik telah ditawan oleh Nenek Kebayan untuk mendapatkan air mata sebagai bahan jamu awet mudanya.

Manakala, bahagian perleraian pula memaparkan kedua-dua pasang adik-beradik berjaya mengalahkan musuh dan pulang ke dunia asal mereka. Perbandingan ini telah memperlihatkan struktur naratif *Magika* (2010) yang mengekalkan struktur plot utama *Hansel & Gretel*, tetapi diolah dengan unsur budaya tempatan melalui watak-watak cerita rakyat tempatan. Pengubahsuaian yang dilalui oleh ketiga-tiga bahagian

naratif ini memperlihatkan identiti kebudayaan Malaysia dalam naratif filem. Misalnya, pengubahsuaian watak nenek sihir kepada watak nenek kebayan dan pengubahsuaian lokasi *candy house* kepada dunia magika yang penuh dengan watak-watak cerita rakyat Melayu merupakan suatu usaha filem bagi menyesuaikan naratif dengan kelaziman budaya masyarakat tempatan. Perbandingan struktur plot antara filem *Magika* (2010) dengan cerita *Hansel & Gretel* dapat diteliti dalam jadual berikut:

Jadual 1. Adaptasi Naratif Filem *Magika* (2010)

Konsep Idea dan Plot	Hansel & Gretel	Magika (2010)	Pengekalan/ Penambahan/ Pengubahsuaian/ Penguguran
Watak	Adik beradik: Hansel dan Gretel	Adik Beradik: Ayu dan Malik	Pengekalan dan Pengubahsuaian
Bahagian Permulaan	Hansel dan Gretel dibenci oleh ibu tiri mereka sehingga mereka ditinggalkan di dalam hutan. Semasa kedua-duanya ditinggalkan, mereka terjumpa sebuah <i>candy house</i> yang dipenuhi dengan coklat.	Ayu dan Malik kerap bergaduh sehingga Malik melarikan diri ke dalam hutan. Ayu mencari Malik di dalam hutan sehingga akhirnya kedua-dua tersesat di dalam dunia Magika.	Pengubahsuaian
Bahagian Klimaks	Hansel dan Gretel berdepan dengan nenek sihir yang mahu memakan mereka.	Malik telah ditawan oleh Nenek Kebayan untuk mendapatkan air mata sebagai bahan jamu awet mudanya.	Pengubahsuaian
Bahagian Peleraian	Hansel dan Gretel membunuh nenek sihir dan berjaya keluar dari <i>candy house</i> .	Ayu berjaya melepaskan Malik daripada tawanan Nenek Kebayan. Mereka berjaya keluar daripada dunia Magika dengan bantuan Badang.	Pengubahsuaian

2. Watak

Terdapat 22 watak yang telah diadaptasikan daripada 13 cerita rakyat tempatan dan satu cerita rakyat barat ke dalam filem *Magika*. Watak-watak ini merangkumi satu watak protagonis, satu watak antagonis dan 20 watak sampingan. 91% daripada watak-watak ini telah diadaptasi daripada cerita rakyat tempatan dan hanya 9% watak diambil daripada cerita rakyat barat. Hal ini dapat dibuktikan melalui jadual di bawah:

Jadual 2. Adaptasi Watak daripada Cerita Rakyat Tempatan dan Cerita Rakyat Barat

Bil.	Watak Adaptasi	Cerita Rakyat tempatan	Cerita Rakyat Barat
1.	Ayu (<i>Gretel</i>)	-	Hansel & Gretel
2.	Malik (<i>Hansel</i>)	-	Hansel & Gretel
3.	Nenek Kebayan	Nenek Kebayan	
4.	Puteri Gunung Ledang	Puteri Gunung Ledang	
5.	Bawang Putih	Bawang Putih dan Bawang Merah	
6.	Bawang Merah	Bawang Putih dan Bawang Merah	
7.	Mahsuri	Mahsuri	
8.	Puteri Santubong	Puteri Santubong	
9.	Mak Andih	Pak Pandir dan Mak Andih	
10.	Pak Pandir	Pak Pandir dan Mak Andih	
11.	Badang	Badang	
12.	Orang Minyak	Orang Minyak	
13.	Awang Kenit	Awang Kenit	
14.	Hang Tuah	Hang Tuah Lima Bersaudara	
15.	Hang Kasturi	Hang Tuah Lima Bersaudara	
16.	Hang Lekir	Hang Tuah Lima Bersaudara	

17.	Hang Lekiu	Hang Tuah Lima Bersaudara
18.	Hang Jebat	Hang Tuah Lima Bersaudara
19.	Pak Belalang	Nujum Pak Belalang
20.	Belalang	Nujum Pak Belalang
21.	Penunggu Tasik Chini	Penunggu Tasik Chini
22.	Awang	Lembing Awang Pulang Ke Dayang

Magika (2010) cenderung mengadaptasikan watak lelaki iaitu sebanyak 64% daripada keseluruhan watak yang diadaptasi. Watak-watak tersebut ialah Malik (Hansel), Pak Pandir, Badang, Orang Minyak, Awang Kenit, Hang Tuah, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, ,Hang Jebat, Pak Belalang, Belalang, Penunggu Tasik Chini dan Awang. Manakala, 36% daripada watak yang diadaptasi merupakan watak wanita daripada pelbagai cerita rakyat yang meliputi Ayu (Gretel), Nenek Kebayan, Puteri Gunung Ledang, Bawang Putih, Bawang Merah, Mahsuri, Puteri Santubong dan Mak Andih.

Penelitian terhadap 22 watak adaptasi ini akan meliputi aspek fizikal, perwatakan serta peranan. Ketiga-tiga aspek ini akan dianalisis bagi mengenal pasti teknik adaptasi yang digunakan dalam penyalinan dan pemindahan kesemua watak-watak tersebut ke dalam filem.

3. Fizikal

Aspek fizikal akan merangkumi perbandingan terhadap keadaan fizikal, rupa paras, bentuk badan dan identiti watak dalam filem dan cerita rakyat. Secara keseluruhannya, filem *Magika* (2010) cenderung mengekalkan ciri fizikal watak-watak yang diadaptasi. Hal ini dapat dibuktikan apabila sebanyak 86% watak yang diadaptasi telah dikekalkan ciri-ciri fizikalnya dalam filem sebagaimana yang diceritakan dalam cerita rakyat. Pengekalan ciri-ciri fizikal ini dapat dijelaskan lagi dalam jadual di bawah:

Jadual 3. Proses Pengekalan Ciri Fizikal Watak Adaptasi

No.	Watak	Ciri fizikal dalam hipoteks	Ciri fizikal dalam hiperteks
1.	Badang	Seorang pemuda yang gagah	Digambarkan sebagai seorang pemuda yang kuat kerana mampu bertahan melawan serangan Nenek Kebayan.
2.	Pak Pandir	Seorang lelaki tua yang mempunyai isteri bernama Mak Andih	Digambarkan sebagai seorang lelaki tua dan mempunyai isteri bernama Mak Andih
3.	Mak Andih	Seorang wanita tua yang mempunyai suami bernama Pak Pandir	Digambarkan sebagai seorang wanita tua dan mempunyai suami bernama Pak Pandir
4.	Mahsuri	Seorang wanita cantik berketurunan Langkawi	Digambarkan mempunyai rupa paras yang cantik
5.	Awang Kenit	Seorang lelaki yang sangat kecil	Digambarkan sebagai seorang lelaki yang bertubuh kecil daripada watak yang lain
6.	Hang Tuah	Pahlawan	Pahlawan
7.	Hang Jebat	Pahlawan	Pahlawan
8.	Hang Kasturi	Pahlawan	Pahlawan
9.	Hang Lekir	Pahlawan	Pahlawan
10.	Hang Lekiu	Pahlawan	Pahlawan
11.	Bawang Merah	Seorang wanita yang mempunyai adik tiri	Seorang wanita yang mempunyai adik tiri
12.	Bawang Putih	Seorang wanita yang mempunyai adik tiri	Seorang wanita yang mempunyai adik tiri
13.	Ayu (Gretel)	Seorang budak perempuan yang mempunyai seorang adik lelaki	Seorang budak perempuan yang mempunyai seorang adik lelaki
14.	Malik (Hensal)	Seorang budak lelaki yang mempunyai seorang kakak	Seorang budak lelaki yang mempunyai seorang kakak
15.	Penjaga Tasik Chini	Seorang tua yang boleh bertukar menjadi naga	Seorang tua yang boleh bertukar menjadi naga

16.	Pak Belalang	Orang kampung	Orang kampung
17.	Belalang	Orang kampung	Orang kampung
18.	Awang	Seorang pemuda yang gagah dan hebat bermain lembing	Seorang pemuda yang gagah dan sentiasa membawa lembing untuk mencari Dayang
19.	Orang Minyak	Muka dan badannya hitam	Digambarkan mempunyai muka dan seluruh badan yang hitam

Menerusi jadual di atas, jelas bahawa 19 daripada 22 watak yang telah diadaptasi dikekalkan ciri fizikalnya. Pengekalan ini membantu memastikan kesinambungan dengan cerita asal. Penonton lebih mudah menerima perubahan dalam watak jika aspek visual masih menyerupai kepercayaan fizikal mereka terhadap watak-watak tersebut. Manakala, 14% iaitu tiga daripada watak yang diadaptasi telah mengalami unsur pengubahsuaian. Unsur ini melibatkan perubahan rupa paras dan bentuk badan watak dalam filem yang terdiri daripada watak Puteri Gunung Ledang, Nenek Kebayan dan Puteri Santubong. Ketiga-tiga watak ini dipaparkan berbeza rupa paras dan bentuk badannya daripada yang diceritakan dalam cerita rakyat.

Misalnya, Puteri Gunung Ledang melalui teks Sulalatus Salatin digambarkan sebagai seorang yang luar biasa dan istimewa sehinggakan Sultan Mahmud mahu meminangnya. Sultan Mahmud Shah telah menghantar orang suruhannya untuk menyampaikan hasrat baginda. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

“Maka titah Sultan Mahmud, “Jikalau kita hendak beristerikan sama anak raja, raja yang lain adalah; yang kita kehendaki barang yang tiada pada raja-raja lain, itulah yang kita peristeri. Akan sekarang kita hendak menyuruh meminang Puteri Gunung Ledang’ Laksamana dan Sang Setiaalah kita titahkan.”

(A. Samad Ahmad, 1979)

Petikan di atas membuktikan bahawa Puteri Gunung Ledang adalah seorang yang luar biasa dan istimewa. Kelainan sifat Puteri Gunung Ledang ini menyebabkan Sultan Mahmud mahu menjadikan beliau sebagai isteri baginda. Namun, dalam filem, watak Puteri Gunung Ledang dipaparkan sebagai seorang yang hodoh dan tidak terurus. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan lagu yang berikut:

Usia dah memamah kejelitaanku
Yang dulu kurus dah jadi gemuk
Muka berkerepot dan mula mengendur
Rambut beruban semakin gugur

(Magika, 2010)

Petikan lagu di atas jelas menggambarkan ciri fizikal Puteri Gunung Ledang yang tua, gemuk dan hodoh. Gambaran fizikal Puteri Gunung Ledang dalam filem dan dalam cerita rakyat mempunyai perbezaan yang ketara. Perbezaan aspek fizikal ini jelas menunjukkan bahawa watak Puteri Gunung Ledang dalam filem mengalami proses pengubahsuaian dari segi ciri fizikalnya. Pengubahsuaian ini merupakan proses kreatif yang menghasilkan unsur komedi dan kejutan naratif terhadap kepercayaan penonton tentang kecantikan Puteri Gunung Ledang. Selain itu, pemaparan rupa paras Puteri Gunung Ledang yang hodoh juga merupakan usaha pengarah untuk menghubungkan kaitkan naratif dengan watak Nenek Kebayan yang akhirnya membantu mencantikkan semula Puteri Gunung Ledang dengan produk jamu awet mudanya.

Begitu juga dengan watak Puteri Santubong yang dipaparkan sebagai seorang puteri yang telah tua dan hodoh. Watak seorang Puteri dalam sesebuah cerita rakyat lazimnya diapaparkan mempunyai rupa paras yang jelita (Syed Othman Syed Omar, 1984). Namun, filem *Magika* (2010) memilih untuk memaparkan yang sebaliknya. Walau bagaimanapun, rupa parasnya yang tua itu bertukar menjadi muda dan cantik kembali dalam sekelip mata selepas minum jamu awet muda yang diberikan oleh Nenek Kebayan. Perbezaan rupa paras Puteri Santubong pada minit ke 33:20 dalam filem dengan cerita rakyat merupakan usaha pengarah untuk menghubungkan kaitkan penceritaan dengan penjualan produk jamu awet muda Nenek Kebayan.

Watak Nenek Kebayan pula dipaparkan sebagai seorang yang muda dan masih mempunyai rupa paras yang cantik. Pemaparan ciri fizikalnya yang muda itu bertentangan dengan ciri fizikal Nenek Kebayan dalam

cerita rakyat yang digambarkan sebagai orang tua yang berbadan bongkok dan mempunyai rupa paras yang menakutkan. Walaupun pada minit ke 35:60, Nenek Kebayan menyatakan bahawa usianya telah menjangkau 300 tahun, namun rupa paras dan keadaan fizikalnya tidak menyerupai seorang wanita tua. Pengubahsuaian rupa paras dan keadaan fizikal Nenek Kebayan ini berfungsi untuk menghubungkan penceritaan dengan peranan wataknya sebagai penjual jamu awet muda di alam Magika. Pemaparan rupanya yang muda juga melambangkan sosok Nenek Kebayan sebagai seorang yang mempunyai kuasa sebagai penyembuh serta hubungannya dengan dunia spiritual.

5. Perwatakan

Aspek perwatakan akan meneliti perbandingan terhadap sifat peribadi dan cara pertuturan watak dalam cerita rakyat dengan filem. Menerusi penelitian, aspek perwatakan telah melalui proses pengekalan, pengguguran dan pengubahsuaian. Daripada kesemua watak yang diadaptasi, hanya 36% daripadanya telah dikekalkan perwatakan mereka dan sebanyak 5% watak telah digugurkan perwatakannya. Manakala, 59% daripada watak yang diadaptasi cenderung mengalami pengubahsuaian.

Watak-watak yang dikekalkan perwatakannya sebagaimana yang diceritakan dalam cerita rakyat terdiri daripada Badang, Pak Pandir, Mak Andih, Penunggu Tasik Chini, Belalang, Pak Belalang, Nenek Kebayan dan Orang Minyak. Sifat peribadi watak-watak ini telah dikekalkan sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 4. Proses Pengekalan Perwatakan Watak Adaptasi			
No.	Watak	Perwatakan dalam hipoteks	Perwatakan dalam hiperteks
1.	Badang	Seorang pemuda yang berani dan kuat apabila makan muntah hantu	Seorang pemuda yang gagah dan berani. Watak ini juga dipaparkan makansesuatu yang menyerupai muntah
2.	Pak Pandir	Seorang lelaki tua yang lurus bendul dan berperwatakan bodoh	Digambarkan sebagai seorang lelaki yang tua dan lurus bendul
3.	Mak Andih	Isteri kepada Pak Pandir. Berperwatakan rasional daripada suaminya	Isteri kepada Pak Pandir. Berperwatakan rasional daripada suaminya
4.	Penjaga Tasik Chini	Seorang naga yang kuat	Seorang naga yang kuat
5.	Pak Belalang	Lurus bendul	Lurus bendul
6.	Belalang	Bijak berkata-kata	Bijak berkata-kata
7.	Orang Minyak	Suka akan perempuan	Digambarkan suka kepada Ayu

Dua daripada watak yang dikekalkan di atas berperanan sebagai penyambung naratif penceritaan. Misalnya, perwatakan Badang yang berani dan kuat dikekalkan bagi membantu Ayu dan Malik mencari jalan keluar dari alam Magika. Begitu juga dengan watak Penjaga Tasik Chini yang kemudiannya menjelma menjadi seorang naga. Watak ini berfungsi untuk menghalang Ayu dan Malik daripada mengharungi jambatan untuk keluar dari alam Magika. Manakala, watak-watak yang selebihnya dikekalkan perwatakannya kerana tidak berfungsi dalam menentukan nasib Ayu dan Malik. Sebaliknya, perwatakan mereka dikekalkan hanya untuk melambangkan identiti watak-watak tersebut sebagaimana yang telah dipercayai oleh penonton sebelum ini.

Proses pengguguran perwatakan pula hanya berlaku terhadap watak Puteri Santubong. Hal ini dikatakan demikian kerana watak Puteri Santubong hanya dipaparkan selama 15 saat dalam filem iaitu pada minit 32:20. Dalam cerita rakyat, Puteri Santubong dikenali sebagai seorang puteri yang hebat menenun. Namun, dalam durasi yang singkat itu, perwatakannya tidak dapat dipaparkan. Sebaliknya, watak Puteri Santubong hanya dipaparkan bertukar daripada seorang yang tua kepada seorang puteri yang cantik. Penguguran perwatakannya ini adalah salah satu usaha pengarah menumpukan fokus filem terhadap plot utama iaitu pengembaraan Ayu dan Malik.

Seterusnya, proses pengubahsuaian perwatakan pula merangkumi perubahan terhadap cara pertuturan dan sifat peribadi yang ditonjolkan dalam filem. Pengubahsuaian cara pertuturan dapat dilihat dalam watak Mahsuri, Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekiu, Hang Lekir dan Hang Kasturi. Misalnya, Mahsuri merupakan

seorang wanita yang berasal dari Langkawi. Walau bagaimanapun, dalam filem watak Mahsuri mengalami aspek perubahan dari segi pertuturan bahasanya. Hal ini dapat di buktikan melalui petikan yang berikut:

Jadual 5. Proses Pengubahsuaian Perwatakan Mahsuri

Hipoteks	Hipeteks
Mahsuri lahir dan dibesarkan dalam sebuah keluarga miskin di Langkawi.	Ayu:...saya nak cari Bukit Merah ni, boleh cik tunjuk tak dekat mana. Nama saya Ayu Mahsuri:Sawadikap. Mahsuri Ayu: Lah Siam rupanya Mahsuri: Hmm, Phi Mong, Phi Mong
(Rubiah Jusoh, 2009)	(minit ke 15:35, 2010)

Sumber: *Bawang Merah, Bawang Putih* (2009) & *Magika* (2010)

Petikan di atas membuktikan bahawa Mahsuri dalam cerita rakyat digambarkan sebagai seorang wanita yang berasal dari Langkawi. Walau bagaimanapun, dalam filem iaitu pada minit ke 15:35 Mahsuri dipaparkan bertutur dalam bahasa Siam sehingga menyukarkan Ayu untuk memahami pertuturannya. Perbezaan bahasa pertuturan yang digunakan oleh Mahsuri dalam cerita rakyat dan dalam filem merupakan satu usaha pengarah untuk menggambarkan pengaruh budaya Siam di Langkawi pada masa itu.

Begitu juga dengan watak Hang Tuah dan sahabatnya yang turut mengalami proses pengubahsuaian dari segi pertuturan bahasa. Menerusi cerita rakyat, Hang Tuah dan sahabatnya iaitu Hang Lekir, Lekiu, Jebat dan Kasturi merupakan pemuda yang berasal dari Melaka. Namun, apabila kelima-lima watak ini diadaptasikan ke dalam filem, watak-watak ini dipaparkan bertutur menggunakan dialek utara. Hal ini dapat diteliti melalui petikan teks yang berikut:

Jadual 6. Proses Pengubahsuaian Perwatakan Hang Tuah dan Lima Sahabat

Hipoteks	Hipeteks
Hang Tuah dan empat orang kawannya: Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu menuntut ilmu bersama Adiputra di Gunung Ledang. Hang Tuah telah jatuh cinta pada Melor, anak orang asli yang tinggal di Gunung Ledang dan menjadi pembantu Adiputra. Selesai menuntut ilmu, mereka berlima kembali ke kota Melaka.	Hang Tuah:aku hang jangan tanya aaa. Aku akan bawak cik adik ni pi teman kan dia pi Pasar Rimba, ushar adik dia sempoi punyai. Ayu:eh cop, cop. Hang Kasturi, Lekir, Tuah, Lekiu, Jebat. Eh korang ni bukan ke semua orang Melaka. Kenapa cakap macam utara ni? Hang Jebat: Memang kami semua orang Melaka, hang-hang nama manja
(Kassim Ahmad, 2017)	(minit ke 19:30, 2010)

Sumber: *Hikayat Hang Tuah* (2017) & *Magika* (2010)

Petikan di atas jelas menunjukkan watak Hang Tuah dan sahabatnya mengalami proses pengubahsuaian dari segi pertuturan bahasa. Cerita asal Hang Tuah menggambarkan bahawa Hang Tuah dan sahabatnya berasal dari Melaka. Namun, dalam filem iaitu pada minit ke 19:30, watak Hang Tuah dan sahabatnya dipaparkan bertutur dalam dialek utara ketika mereka bertemu dengan Ayu yang meminta bantuan untuk mencari adiknya yang hilang. Perbezaan bahasa pertuturan yang digunakan oleh watak Hang Tuah dan sahabatnya dalam filem merupakan unsur pengubahsuaian bagi menghasilkan elemen humor dalam filem. Selain itu, perkataan "Hang" yang sinonim dengan dialek Utara, menjadikannya lebih logik untuk watak-watak tersebut bertutur dalam dialek utara.

Manakala, pengubahsuaian sifat peribadi pula dapat diteliti dalam watak Hang Tuah, Awang Kenit, Bawang Putih, Bawang Merah, Awang, Ayu (Gretel) dan Hansel (Malik). Sifat peribadi ketujuh-tujuh watak ini bertentangan dengan yang diceritakan dalam cerita rakyat. Pengubahsuaian perwatakan yang paling ketara dapat diteliti pada watak Hang Tuah. *Hikayat Hang Tuah* mengisahkan kepahlawanan dan keberanian Hang Tuah, seorang laksamana dan orang kepercayaan Sultan Melaka (Muhamad Farid Abdul Rahman, Mahyuddin Ahmad & Adrian Lee, 2020). Walau bagaimanapun, Hang Tuah dalam filem iaitu pada minit ke 12:21

dipaparkan sebagai seorang yang penakut dan tidak berani dalam menghadapi ancaman. Peristiwa tersebut berlaku ketika Ayu cuba mengajak Hang Tuah pergi ke Batu Belah Batu Bertangkup namun, Hang Tuah tidak mahu kerana tidak berani. Hang Tuah kemudiannya meninggalkan Ayu dan menyelamatkan dirinya sendiri apabila dikejar anjing. Hal ini menunjukkan bahawa perwatakan Hang Tuah mengalami proses pengubahsuaian daripada seorang yang berani kepada seorang pengecut. Proses pengubahsuaian perwatakan Hang Tuah dapat diteliti dalam jadual di bawah:

Jadual 7. Proses Pengubahsuaian Perwatakan Hang Tuah

Hipoteks	Hipeteks
Keberanian Hang Tuah jelas terlihat ketika beliau berada di Majapahit. Hang Tuah sentiasa berwaspada dan beringat-ingat dengan tindakan beliau ketika menentang musuh-musuh yang cuba menentang nya. Keberanian Hang Tuah mendapat perhatian daripada Betara Majapahit dan mengakui dengan dialognya menyatakan bahawa	Ayu:Tuah, apa kata kita sekarang ni kita pergi cari adik Ayu lepastu Tuah boleh bawak kitaorang pergi Batu Belah Batu Bertangkup Hang Tuah: Eeeee nak hahi (sambil mengangkat tangan tanda tidak bersetuju), cek tak berani. Tak boleh cek tak pernah pi sana. Lagipon cek cuma dengar cerita jaa. Lagipon depa kata kat sana tu ada aaaaanjing (sambil berlari tinggalkan Ayu untuk menyelamatkan diri sendiri)
(Kasim Ahmad, 2017)	(minit ke 12:21, 2010)

Sumber: *Hikayat Hang Tuah* (2017) & *Magika* (2010)

Petikan di atas jelas menunjukkan perbezaan perwatakan Hang Tuah dalam cerita asal dan dalam filem. Pengubahsuaian sifat Hang Tuah yang penakut dalam filem menghasilkan elemen komedi dan kejutan terhadap kepercayaan penonton tentang keberanian dan kegagahan Hang Tuah. Proses ini juga bersesuaian dengan filem *Magika* (2010) yang berbentuk ringan dan menghiburkan.

6. Peranan

Aspek peranan akan meneliti perbandingan terhadap fungsi dan kepentingan watak dalam cerita rakyat dengan filem. Secara keseluruhannya, peranan watak dalam filem cenderung mengalami pengubahsuaian. Hal ini dapat dibuktikan apabila hanya 10% sahaja watak yang dikekalkan peranannya seperti dalam cerita rakyat asal. Manakala, sebanyak 86% watak yang diadaptasi telah mengalami perubahan dari segi fungsi dan peranan jika dibandingkan dengan cerita asal. Watak-watak yang telah mengalami perubahan peranan meliputi semua watak kecuali watak Mak Andih, Puteri Santubong dan Orang Minyak. Pengubahsuaian peranan watak dalam filem ini mempunyai tiga fungsi utama iaitu bagi menggerakkan perjalanan pulang Ayu dan Malik, menjadi halangan kepada perjalanan Ayu dan Malik dan sebagai penguat fungsi watak Nenek kebayan. Pengubahsuaian terhadap peranan watak-watak ini dapat diteliti dalam jadual di bawah:

Jadual 8. Proses Adaptasi Peranan Watak Adaptasi

No.	Watak	Peranan dalam hipoteks	Proses Adaptasi
1.	Badang	Menjadi kuat untuk membantu tuannya	Membantu Ayu mencari Malik seterusnya membantu mereka mencari jalan pulang
2.	Pak Pandir	Sebagai pengajaran supaya berfikir panjang dalam membuat sesuatu	Membantu Ayu memberi petunjuk tentang lokasi Malik
3.	Mahsuri	Menyumpah bumi Langkawi menjadi padang jarak padang terkukur	Membantu Ayu memberi petunjuk lokasi Malik
4.	Awang Kenit	Mencari jalan keluar daripada perut raksasa	Menjadi pembantu Nenek Kebayan
5.	Hang Tuah	Seorang pahlawan	Membantu Ayu mencari Malik

6.	Hang Jebat	Seorang pahlawan	Membantu Ayu mencari Malik	Pengubahsuaian
7.	Hang Kasturi	Seorang pahlawan	Membantu Ayu mencari Malik	Pengubahsuaian
8.	Hang Lekir	Seorang pahlawan	Membantu Ayu mencari Malik	Pengubahsuaian
9.	Hang Lekiu	Seorang pahlawan	Membantu Ayu mencari Malik	Pengubahsuaian
10.	Bawang Merah	Dianiaya oleh adik tirinya Bawang Putih	Menculik Malik	Pengubahsuaian
11.	Bawang Putih	Menindas adik tirinya, Bawang Merah	Menculik Malik	Pengubahsuaian
12.	Ayu (Gretel)	Menyelamatkan adiknya daripada dimakan oleh Nenek Kebayan	Mencari dan menyelamatkan adiknya daripada tahanan Nenek Kebayan	Pengubahsuaian
13.	Malik (Hansel)	Mencari jalan keluar dari nenek	Mencari jalan keluar dari alam fantasi	Pengubahsuaian
14.	Penjaga Tasik Chini	Menjaga Tasik Chini	Penghalang Ayu dan Malik daripada menyeberangi jambatan untuk keluar dari alam fantasi	Pengubahsuaian
15.	Pak Belalang	Ahli nujum di kampung	Pelanggan jamu Nenek Kebayan	Pengubahsuaian
16.	Belalang	Membantu Pak Belalang menjawab soalan-soalan sebagai nujum	Pelanggan jamu Nenek Kebayan	Pengubahsuaian
17.	Awang	Mengembara untuk mencari pengalaman sebelum berkahwin dengan Dayang	Pembunuh Mahsuri	Pengubahsuaian
18.	Puteri Gunung Ledang		Menjadi pelanggan jamu Nenek Kebayan dan menghalang Ayu dan Malik daripada pulang	Pengubahsuaian
19.	Mak Andih	Isteri Pak Pandir	Isteri Pak Pandir	Pengekalan
20.	Puteri Santubong	Bermusuhan dengan adik tirinya kerana suka dengan lelaki yang sama	Tidak dipaparkan	Pengguguran
21.	Orang Minyak	Mengamalkan ilmu hitam	Tidak dipaparkan	Pengguguran

Jadual di atas menunjukkan bahawa 18 watak telah diubahsuaikan peranannya sehingga menghasilkan suatu naratif yang baharu. Oleh kerana cerita rakyat asal tidak mempunyai hubungan antara satu sama lain, pengarah telah mengubah suai peranan watak-watak tersebut supaya sesuai dengan dunia fantasi *Magika* dan berperanan dalam perkembangan jalan cerita utama. Manakala, peranan watak Mak Andih telah dikekalkan dan peranan watak Puteri Santubong serta Orang Minyak telah digugurkan. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga watak ini tidak berkait secara langsung dengan plot utama. Kedua-dua watak ini berfungsi sebagai elemen latar dan penyeri dunia *Magika* dan bukannya sebagai pemacu plot utama. Justeru, ketiga-tiga proses adaptasi yang dilalui oleh peranan watak-watak ini berjaya memberikan nafas baharu kepada cerita rakyat yang diadaptasi.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, analisis perbandingan naratif dan watak dalam filem *Magika* (2010) dengan cerita rakyat telah berjaya memperlihatkan bentuk dan kaedah adaptasi yang digunakan oleh pengarah dan penulis skrip. Oleh itu, artikel ini telah mendapati bahawa pengarah dan penulis skrip menggunakan kaedah adaptasi longgar dengan menjadikan cerita rakyat barat sebagai asas naratif dan menggabungkan watak-watak daripada cerita rakyat tempatan sebagai watak sampingan sehingga menghasilkan sebuah cerita baharu. Naratif cerita

rakyat barat telah melalui proses pengubahsuaian yang ketara di bahagian permulaan, klimaks dan perleraian. Manakala, watak-watak cerita rakyat tempatan telah melalui proses adaptasi dari aspek fizikal, perwatakan dan peranannya. Sebanyak 58% watak telah mengalami pengubahsuaian dan penguguran daripada ketiga-tiga aspek tersebut. Pengubahsuaian ini berfungsi menyesuaikan jalan cerita dan watak dengan elemen humor yang menghiburkan. Manakala, beberapa watak yang tidak relevan dengan perkembangan jalan cerita telah digugurkan bagi memastikan fokus naratif lebih jelas dan tidak terganggu dengan elemen yang tidak menyumbang kepada plot utama. Pengguguran ini penting bagi mengekalkan keseimbangan dan tidak terlalu sarat atau berpecah kepada terlalu banyak subplot.

Lazimnya, adaptasi dari satu teks ke teks yang lain khususnya filem, akan melibatkan interpretasi dan pentafsiran semula. Justeru, pengubahsuaian dan pengguguran yang dilakukan terhadap naratif dan watak-watak dalam cerita rakyat merupakan satu usaha pemaknaan semula oleh KRU Studios. Jika diteliti dari sudut teknik penceritaan, proses-proses tersebut berfungsi dalam menyesuaikan dan menyeimbangkan perjalanan plot. Namun, dari aspek budaya, proses adaptasi yang dilakukan ini adalah satu strategi dalam memperkenalkan dan memelihara warisan budaya dalam bentuk yang lebih ringan dan menghiburkan sesuai dengan peredaran generasi. Penggunaan kaedah adaptasi longgar oleh KRU Studios ini juga telah memberi satu kebebasan dalam membentuk naratif menjadi lebih menarik tetapi masih mengekalkan nilai asli karya sastera yang diadaptasi. Pemaknaan baharu terhadap karya asal tersebut dapat memberikan penonton peluang untuk memahami kehidupan suatu era atau budaya tertentu dari satu sudut pandang yang berbeza. Oleh itu, proses-proses adaptasi yang telah dilalui oleh naratif dan watak dalam filem *Magika* (2010) bukan sahaja berperanan terhadap teknik penceritaan tetapi cenderung merupakan satu strategi KRU Studios dalam mengangkat karya sastera dengan kreativiti dan hiburan kepada penonton sesuai dengan peredaran zaman.

Secara keseluruhannya, usaha KRU Studios dalam mengangkat cerita rakyat tempatan dan cerita rakyat barat ke layar merupakan sesuatu yang tidak mudah. *Magika* (2010) yang diterbitkan hampir 15 tahun yang lalu membuktikan bahawa industri filem Melayu ketika itu semakin berkembang dan mampu bersaing dalam genre muzikal fantasi. Oleh itu, dalam era digital, kandungan berasaskan warisan budaya tempatan perlu terus diangkat agar tidak tenggelam dalam arus globalisasi. Hollywood telah lama menggunakan adaptasi sebagai strategi untuk memastikan cerita rakyat kekal relevan, dan perkara yang sama wajar dilakukan oleh pembikin filem tempatan. Dengan cara ini, sastera tradisional dari Alam Melayu dapat dikenali oleh generasi baharu dan terus diingati sepanjang zaman.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Samad Ahmad. (1979). *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Desmond, M. J., & Hawkes, P. (2006). *Adaptation: Studying Film and Literature*. McGraw Hill.
- Edry Abdul Halim. (2010). *Magika*. Kru Studio.
- Faezahnor Saddi, Zairul Anuar Md. Dawam & Fazmi Hisham. (2022). Ciri dan Fungsi Lagu dalam Membentuk Struktur Plot Filem Muzikal *Magika* (2010): Characteristics and Functions of Songs in Forming the Plot Structure of the Musical Film *Magika* (2010). *Jurnal Gendang Alam (Ga)*, 12(1), 61–70. <http://dx.doi.org/10.51200/ga.v12i1.532>.
- Faezahnor Saddi, Zairul Anuar Md. Dawam & Fazmi Hisham. (2022). Pembentukan Struktur Plot Filem Muzikal *Magika* 2010 Melalui Ciri dan Fungsi Lagu dalam Elemen Naratif Todorov. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 5(18), 16 – 29. <http://dx.doi.org/10.35631/IJHAM.518002>.
- Field, S. (2005). *Screenplay: The Foundations of Screenwriting (revised)*. Delta.
- Hani Salwah Yaakup. (2018). Tombiruo: Adaptasi Novel ke Filem dan Representasi Kepercayaan Setempat. *Jurnal Komunikasi*, 34(2), 323-337. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-20>.
- Jan McCafferty. 2005. *Hansel & Greta*. Usborne Publishing.

- Kassim Ahmad & Noriah Mohamed. (2017). *Hikayat Hang Tuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kru Studios. (2010, Februari 20). *Magika*. <http://www.krustudios.com/magika/>.
- Muhamad Farid Abdul Rahman, Mahyuddin Ahmad & Adrian Lee. (2020). Of Rajuk and Demasculinization. Examining Class Inequality and Gender Representations in Hussain Haniff's Hang Jebat (1961). *eBangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. 17(9), 104-113. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1359>.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Md Salleh Yaapar. (2015). Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 201-223.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid. (2023). Kaedah Adaptasi Sastera pada Filem: Satu Kajian Perbandingan antara Cerpen Amerika 'Barn Burning' dengan Filem Melayu "Kaki Bakar". *Jurnal Komunikasi*, 39(3), 101-123. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3903-06>.
- Nor Ain Matnoh, Zairul Anuar Md. Dawam & Sim, C.C. (2019). Simbolisme Watak dan Perwatakan Berdasarkan Konteks Sosio-Budaya Masyarakat Malaysia dalam Filem Ola Bola (2016). *eBangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(6), 1-13. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1205>.
- Rubiah Jusoh. (2009). *Bawang Merah Bawang Putih*. Kualiti Books Sdn. Bhd.
- Salmah Jan Noor Muhammad & Nadiatul Shakinah Abdul Rahman. (2024). Transformasi watak Hikayat Merong Mahawangsa dari Naskhah ke Layar Perak. *PENDETA*, 15(2), 17-19. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.fa.2.2024>.
- Siti Azira Abd. Aziz. (2010, Ogos 9). *Kelainan "Magika" Berjaya Pikat Hati Penonton*. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2010/09/24/kelainan-magika-berjaya-pikat-hati-penonton>.
- Sudirman Kiffli & Nurul Afini Roslin Mohd Saufi. (2021). Elemen-Elemen Adaptasi dalam Filem Tombiruo: Penunggu Rimba. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 109-125. <http://dx.doi.org/10.47252/teniat.v9i1.402>.
- Steven Alezender & Jacqueline Karimon. (2024). Pemaknaan Semula Cerita Rakyat Melayu dalam Filem Animasi Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal (2019). *Jurnal Pertanika*, 32(2), 703 – 719. <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.2.16>.
- Syed Othman Syed Omar. (1984). Konsep Bercerita dalam Masyarakat Melayu dan Hubungannya dengan Struktur. *SARI*, 2(2), 107-123. <https://malaycivilization.com.my/omeka/items/show/161155>.
- FINAS. (2010, Februari 21). *Tayangan Filem Cereka Tahun 2010*. <https://www.finas.gov.my/en/?mod=industry&sub=cereka>.
- Wan Hasmah Wan Teh. (2022). Menyingkap Semula Kaedah Adaptasi Novel kepada Filem dan Kontroversi Sekitarnya. Dlm Norman Yusoff, Wan Hasmah Wan Teh & Fadli Al-Akiti (Penyunting), *Layar Kata: Pertalian Sastera dan Filem*. Dewan Bahasa dan Pustaka.